

28 MAY 1998

Kampung Buku

KAMPUNG BUKU MALAYSIA DIIKTIRAF "MALAYSIAN BOOK OF RECORD"

ALOR SETAR, 28 Mei (Bernama) -- Kampung Buku Malaysia di Langkawi akan diiktiraf secara rasmi oleh "Malaysia Book Of Record" sebagai kampung buku yang pertama dan yang terbesar di Malaysia, kata Pengarah Kampung Buku Sohaimi Zainal Abidin.

Krew dan kakitangan syarikat pencatat rekod itu akan datang ke Kampung Buku Isnin ini untuk membuat rakaman pengiktirafan itu, katanya.

"Ini adalah suatu pencapaian yang membanggakan bagi Kampung Buku Malaysia," katanya di sini, hari ini.

Pengiktirafan dari "Malaysia Book Of Record" untuk pencapaian terulung di dalam negara sama sepertimana oleh "Guinness Book Of Record" untuk pencapaian peringkat dunia.

Kampung Buku Malaysia yang terletak di Lubuk Semilang, Langkawi dibuka secara rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Disember lepas merupakan kampung dan bandar buku yang ke-19 di dunia.

Kampung buku yang penubuhannya diilhamkan oleh Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid juga merupakan yang pertama di Asia Tenggara.

Sohaimi berkata, kampung buku di sini juga akan bekerjasama dengan sebuah bandar buku di Wigtown, Scotland yang akan dibuka tidak lama lagi menjadikannya yang ke-20 di dunia.

Bandar Buku Wigtown dan Kampung Buku Malaysia juga akan dihubungkan menerusi Internet, dan cawangan Kedah Kafe juga akan dibuka di Bandar Buku Wigtown.

Sohaimi yang juga Pengurus Besar Kedah Kafe berkata, kerajaan negeri juga bercadang membuka cawangan Kedah Kafe, yang menggabungkan restoran, kedai buku, galeri lukisan dan Internet di semua bandar di negara ini dan semua kampung dan bandar buku di dunia.

-- BERNAMA

MN RHM PR